

# PUSARA MISTERI

► Penemuan lebih 100 kubur lama dan beberapa artifak di kawasan hutan antara Jasin, Melaka dan Tangkak, Johor mungkin merungkai persoalan mengenai kerajaan Melaka Lama sebelum kedatangan Parameswara. Struktur kubur yang masih dianggap misteri oleh penduduk tempatan mempunyai rekaan tersendiri,

lapor Syazwan Msar

> 2&3

EKSKLUSIF

Kesan  
tamadun  
Kerajaan Melaka  
Lama sebelum  
Parameswara

**"Cuma mengikut jumlah dan kedudukan kubur ini, di kawasan ini dahulu mungkin ada penempatan dan pemerintahannya yang tersendiri"**  
Dr Mohd Nasruddin Rahman



**HARIAN METRO**

Foto: SYARAFIQ ABDUL SAMAD

# Tamadun lama dalam hutan

■ Penemuan artifak 100 tahun mungkin milik kerajaan Melaka Lama sebelum Parameswara

Syazwan Msar

mohdsyazwan@hmetro.com.my

## Tangkak

Penemuan beberapa artifak dan lebih 100 kubur lama di kawasan perkampungan antara sempadan Jasin, Melaka dan Tangkak, Johor, kemungkinan merungkai segala persoalan mengenai kerajaan Melaka Lama sebelum kedatangan Parameswara.

Malah, struktur kubur yang masih dianggap misteri oleh penduduk tempatan itu mempunyai rekaan tersendiri iaitu menggunakan batu nisan berbentuk belimbing yang kebanyakannya dijumpai di kawasan hutan dan berhampiran sungai.

Kubur berbatu nisan seperti belimbing itu kali pertama dilihat sekumpulan pengkaji sejarah terdiri daripada pensyarah universiti tempatan, Jabatan Muzium Malaysia dan Institut Seni Malaysia Melaka.

Harian Metro yang mengikut kumpulan terbabit menjalankan ekspedisi di Kampung Chohong dan Chin-Chin, Jasin, Melaka, mendapati lebih 100 kubur lama ditemui di kawasan hutan, rumah penduduk kampung dan sungai.

Kebanyakan kubur berkenaan dipercayai dibina menggunakan batu kemerah-merahan yang tidak wujud kini, namun keunikan yang pada struktur itu apabila ia diukir seakan-akan belimbing yang mempunyai lapan lekuk.

Penduduk kampung juga menunjukkan beberapa serpihan tembikar yang ditemui ketika menggali di kawasan berhampiran sungai dipercayai daripada kerajaan China dahulu.

Penemuan itu memberi petunjuk kemungkinan kawasan berkenaan yang bersempadanan antara dua negeri satu kerajaan yang mungkin menjadi laluan persinggahan pedagang suatu ketika dahulu sebelum wujudnya Melaka.

Pengurus Besar Institut Seni Malaysia Melaka Dr Mohd Nasruddin Rahman berkata, reka bentuk kubur berkenaan sangat teliti namun kajian awal tidak dapat membuktikan lagi ia wujud sebelum kedatangan Parameswara.

"Kajian secara terperinci perlu dibuat untuk membuktikan kubur berkenaan wujud sebelum kedatangan Parameswara dan kemungkinan banyak lagi penemuan baru di kawasan ini ditemui."

"Cuma mengikut jumlah

dan kedudukan kubur ini, di kawasan ini dahulu mungkin ada penempatan dan pemerintahannya yang tersendiri," katanya.

Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi Jabatan Muzium Malaysia Samsol Sahar pula berpendapat, sebelum ini pihaknya tidak tahu kewujudan kubur berkenaan sebelum dimaklumkan penduduk kampung.

"Penemuan terbaru ini membuka lembaran sejarah baru mengenai kewujudan kerajaan Melaka dan kami meminta pihak berkaitan mewartakannya untuk kajian lanjut."

"Berdasarkan pemerhatian awal, mungkin ada kaitan dengan kerajaan Melaka Lama yang sebelum ini tidak diketahui banyak pihak hingga kewujudannya menjadi persoalan sehingga ke hari ini," katanya.

Samsol berkata, pemeriksaan awal terhadap kubur lama itu mendapati ada lima jenis yang berbeza dipercayai mengikut status masing-masing pada ketika itu.

"Kubur yang berada di kawasan tinggi mungkin tergolong dalam golongan pembesar atau pemerintah dan ia ada di merata tempat di kawasan terbabit," katanya.



KUMPULAN pengkaji dan pegawai Muzium Melaka melawat tapak kubur lama di Jasin, Melaka.



Untuk video layari  
[www.hmetro.com.my/mymetrotv](http://www.hmetro.com.my/mymetrotv)



TEMBIKAR yang dipercayai milik kerajaan Melaka Lama.

KUBUR lama berbatu nisan diukir seperti belimbing dengan lapan lekuk.

DR Rohaidah (kanan) bersama kumpulan pengkaji melihat keadaan kubur lama.



PEGAWAI Muzium Melaka melakukan ukuran pada kubur lama.

## Kubur lama tidak berukir

■ Jenis batu nisan kemungkinan sama seperti meriam milik kerajaan Melayu Melaka

Syazwan Msar  
mohdsyazwan@  
hmetro.com.my

### Tangkak

**K**ewujudan kubur berkenaan mungkin sebelum zaman kedatangan Parameswara pada 1402 berdasarkan bentuk fizikalnya yang tidak mempunyai sebarang ukiran melainkan pada batu nisannya sahaja.

Pendapat itu dikeluarkan Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Rohaidah Kamaruddin sebaik meneliti beberapa struktur kubur di kawasan kampung Chohong dan Chin-Chin, Jasin, Melaka.

Beliau berkata, struktur dan bentuk kubur pada za-

man pemerintahan kerajaan Melaka adalah berukir dan kebiasaannya hanya menggunakan batu leper sebagai nisan saja.

"Namun, berbeza pula dengan kubur lama ini kerana tidak terdapat ukiran manakala jenis batu yang digunakan pula adalah berbeza.

"Kubur selepas zaman pemerintahan Parameswara pula kebiasaannya leper dan mungkin masyarakat pada ketika itu menggunakan batu sungai saja sebagai nisan," katanya ketika ditemui selepas ekspedisi kajian penemuan kubur dan artifak lama, di sini.

Selain itu, Dr Rohaidah yang terkenal menerusi kajian Laksamana Hang Tuah juga melihat jenis batu yang terdapat di kubur berkenaan kemungkinan sama seperti yang dijumpai pada meriam

milik kerajaan Melayu Melaka.

"Mungkin di kawasan ini ada pemerintahan kerajaan tersendiri sebelum kedatangan Parameswara menerusi aktiviti perdagangan serta penempatan penduduk yang ramai.

"Malah, jika kajian menyeluruh dilakukan, kami akan menemui tapak istana atau tinggalan sejarah lain berkaitan kerajaan Melaka Lama, sekali gus menolak andaian sebelum ini bahawa Parameswara adalah individu pertama yang membuka Melaka," katanya.

Sementara itu, Penyelidik Pusat Penyelidikan Perancis di Timur Tengah (EFEO) Prof Dr Daniel Perret berkata, beliau sudah mengkaji ratusan kubur lama di seluruh Asia bagi merungkai sejarah kewujudan dan budaya di setiap kerajaan masing-masing.



**“**Kubur lama yang menggunakan batu nisan berbentuk buah belimbing kali pertama saya lihat”

Dr Daniel

"Namun, kubur lama yang menggunakan batu nisan berbentuk buah belimbing kali pertama saya lihat dan ia seakan-akan kubur yang dijumpai di Aceh, namun terdapat beberapa elemen berbeza.

"Penemuan ini adalah terbaru bagi saya dan perlukan kajian untuk mengenal pasti ketepatan bila ia diwujudkan, sekali gus mengetahui kerajaan serta pemerintahannya," katanya.

## Kubur dianggap keramat, pelik tidak diusik

**Tangkak:** Kubur yang dianggap keramat dan pelik oleh penduduk kampung Chohong dan Chin-Chin, Jasin, menyebabkannya tidak diusik atau diganggu kerana dibimbangi akan berlaku kejadian tidak diingini.

Penduduk Kampung Chin-Chin Mohd Norhisham A Bakar, 38, berkata, kubur lama berkenaan kebanyakannya berada di ladang, kawasan rumah penduduk dan tepi sungai.

Mohd Norhisham berkata, sebelum itu penduduk kampung tidak berani mengalihkan kubur berkenaan namun apabila pembangunan semakin rancak, perasaan itu sudah hilang.

"Sebelum ini, kubur berkenaan banyak di kawasan tepi jalan dan rumah penduduk kampung namun sekarang ini sudah dialihkan kerana mahu memberi laluan kepada projek pembangunan.

"Kami hanya menganggap ia sebagai kubur keramat saja namun tidak menyangka ia antara artifak sejarah," katanya.

Sementara itu, Penduduk Kampung Chohong Mohd Halim Nordin, 56, berkata, kebanyakan penduduk sudah lali dengan kubur berkenaan yang berada di seluruh kawasan di kampung itu.

"Sebelum ini, ada orang lama menceritakan kawasan terbabit adalah penempatan yang mempunyai pemerintah serta pembesarnya sendiri.

"Malah, ada beberapa kubur lama di kawasan berbukit mempunyai pagar batu, sekali gus berbeza dengan yang lain kemungkinan ia adalah milik pemerintah terdahulu," katanya.